

## **SULAM FPTP bantu komuniti setempat menceriakan balairaya**

Oleh Ts Dr Nur Arzwin Mohamed Aris, Prof Madya Ts Gs Dr Sulzakimin Mohamed

PARIT RAJA - Pelajar tahun 3 program Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Pembinaan) dari Jabatan Pengurusan Pembinaan (JPP), Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah berjaya melaksanakan Program Service-Learning Malaysia, University for Society (SULAM) di bawah kursus BPD 33903 Perancangan dan Penjadualan Projek dengan kerjasama Kolej Vokasional Batu Pahat (KVBP) pada 14 Jun 2025. Program ini dijalankan di Balairaya Parit Raja Darat melibatkan aktiviti membersihkan, mengecat, menanam anak benih pokok bunga di balairaya tersebut. Program SULAM ini telah diketuai oleh Ts Dr Nur Arzwin Binti Mohamed Aris selaku penyelarar dan melibatkan penyertaan 99 orang mahasiswa UTHM, 10 orang pelajar KVBP, 17 orang pensyarah UTHM dan 7 orang pensyarah KVBP.

Program SULAM ini telah bermula seawal 8.40 pagi dengan majlis perasmian yang disempurnakan oleh ketua kampung iaitu En Majdan bin Jamalana. Majlis perasmian juga turut dihadiri oleh Dekan FPTP UTHM Prof Madya Dr Shafie bin Mohamed Zabri dan wakil pensyarah KVBP En.Muhammad Hariz Hazwan bin Hasram.

Dalam ucapan majlis perasmian, ketua kampung menzahirkan ucapan ribuan terima kasih kerana warga universiti membantu komuniti setempat terutamanya di kawasan kampung. Menurut Dekan FPTP "Program sebegini mendidik mahasiswa untuk terlibat secara aktif memberi sumbangan kepada komuniti setempat dan seharusnya diteruskan sehinggalah mereka telah bergraduan pada satu hari nanti"

Menurut penyelarar SULAM JPP FPTP Dr.Arzwin, beliau memilih balairaya sebagai lokasi program SULAM agar mahasiswa dapat menyumbangkan idea dan tenaga kepada masyarakat setempat yang berdekatan dengan lokasi universiti. Antara masalah komuniti setempat yang sering berlaku ialah kurang penglibatan bersama oleh komuniti dan penyelenggaraan balairaya yang lemah. Oleh sebab itu, beberapa dasar kerajaan disediakan sebagai garis panduan untuk mensejahterakan keperluan komuniti. Antara fokus dasar komuniti negara (DKN) ialah mewujudkan komuniti yang inklusif, bersatu padu dan sejahtera.

Selari dengan dasar tersebut, diharapkan program ini dapat memberi impak positif kepada komuniti agar memanfaatkan penggunaan kemudahan komuniti sedia ada dengan lebih selesa bagi menjalankan aktiviti kemasyarakatan, mesyuarat jawatankuasa kampung, aktiviti kebudayaan seperti bermain kompang, kenduri dan sebagainya. Mahasiswa juga diberi tugas berkumpulan untuk menyumbangkan idea bagi kerja renovasi bangunan balairaya dalam meningkatkan kefahaman pembelajaran pelajar universiti melalui pengalaman pembelajaran sebenar. Program sebegini juga mendidik mahasiswa menyumbangkan tenaga dan ilmu pengetahuan yang mereka pelajari untuk manfaat komuniti setempat.

Sementara itu pensyarah KVBP juga menzahirkan ucapan terima kasih kerana diberi peluang untuk terlibat sama menjayakan program bersama komuniti ini. Pelajar KVBP dapat mempraktikkan amali praktikal yang perlu dinilai dalam pembelajaran disamping dapat menyumbangkan ilmu dan tenaga kepada masyarakat setempat.

Majlis penutupan program SULAM ini disudahi dengan refleksi pengalaman oleh wakil mahasiswa UTHM sekitar jam 4.45 petang. Menurut mahasiswa Amir Faris program sebegini memberi peluang kepada dirinya sebagai mahasiswa untuk memberi khidmat kepada masyarakat setempat.

Program SULAM yang dijalankan ini diharapkan mampu menaikkan lagi nama UTHM dalam memberi sumbangan kepada komuniti setempat dan juga dapat meningkatkan lagi reputasi dan imej UTHM di dunia











